

02 MAR 1998

LEAD Mahathir-Umno

ANGGOTA MT TIDAK BOLEH DICABAR DAN MENCABAR

KUALA LUMPUR, 2 Mac (Bernama) -- Semua anggota Majlis Tertinggi (MT) Umno yang memegang jawatan Ketua Bahagian tidak boleh dicabar manakala anggota MT yang tidak memegang jawatan itu pula tidak boleh mencabar Ketua Bahagian yang ada, dalam pemilihan parti bermula minggu depan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Presiden Umno berkata, mesyuarat MT malam ini juga membuat keputusan bahawa semua Ketua Bahagian di Kelantan tidak boleh dicabar.

"Oleh kerana ini adalah keputusan Majlis Tertinggi dan ini dibenarkan oleh perlembagaan parti, maka keputusan ini tidak bertentangan dengan perlembagaan. Jadi tidak harus timbul soal sama ada mematuhi perlembagaan ataupun mematuhi Majlis Tertinggi.

"Soalnya jika dia engkar, apa yang harus dibuat. Ini adalah satu perkara lain yang tidak diputuskan oleh Majlis Tertinggi tetapi kita ada cara-cara kita yang tersendiri untuk menentukan bahawa keputusan ini dipatuhi oleh semua pihak," kata beliau selepas mempengerusikan mesyuarat selama hampir tiga jam itu di ibu pejabat parti di sini.

Dr Mahathir berkata, keputusan itu bertujuan meredakan sedikit kehangatan pertandingan bagi merebut jawatan ketua bahagian dari 12 Mac hingga 29 Mac ini bagi membolehkan lebih banyak tumpuan diberi kepada usaha menangani masalah ekonomi yang sedang dihadapi negara.

Pada mesyuarat MT yang lepas, Dr Mahathir berkata, keputusan MT mengenai perkara-perkara itu hanya berupa nasihat yang jika tidak dipatuhi akan menyebabkan beliau rasa terkilan.

Bagaimanapun malam ini beliau berkata, Perlembagaan Umno memberi hak kepada MT untuk membuat keputusan itu dan menjadi tanggungjawab anggota parti yang lain pula untuk mematuhi dan menghormati semua keputusan parti yang dibuat oleh MT.

Dalam hal ini, Dr Mahathir merujuk Fasal 8.16 Perlembagaan Umno berhubung "Tanggungjawab Majlis Tertinggi" dan Perkara 1.1.4 "Tataetika Ahli Umno".

Fasal 8.16 menyebut MT boleh "mengambil sebarang langkah selain daripada perkara-perkara yang tersebut di atas bagi kesempurnaan perjalanan parti".

Perkara 1.1.4 Tataetika Ahli Umno pula menyebut "Semua ahli Umno hendaklah cintakan parti dan :- patuh dan menghormati keputusan-keputusan parti".

Ketika ditanya sama ada langkah MT yang kini menyifatkan keputusan itu sebagai arahan dibuat kerana terdapat ramai ketua bahagian daripada kalangan anggota MT yang mungkin dicabar pada pemilihan bahagian, Dr Mahathir berkata: "Kita bagi arahan macam ini, kita tak tahulah ada kes ke tak ada kes".

Mengenai jawatan-jawatan lain, Dr Mahathir berkata, MT tidak membuat sebarang keputusan sama ada ia boleh ditandingi atau tidak.

Beliau berkata, anggota-anggota MT yang memegang jawatan-jawatan lain boleh dicabar dan mereka juga boleh mencabar pemegang jawatan-jawatan lain.

"Yang ditentukan hanya jawatan ketua bahagian. Kalau dipegang oleh anggota Majlis Tertinggi, tidak ada sesiapa yang harus mencabarnya. Kalau dianya (anggota MT) tidak memegang jawatan ketua bahagian, dia (anggota MT itu) tidak boleh mencabar," katanya. -- BERNAMA

AH SJA ARA MAI